

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HKN 305 Fiksyen Melayu Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

SAMA ADA

1. Menerusi Tunggul-Tunggul Gerigis, Shahnnon Ahmad membina watak Su Usul yang dianggap nyanyok (senile psikosis) sebagai satu wawasan baru dalam arena penulisan kreatif.

Sejauh manakah anda dapat membuktikan kenyanyokan Su Usul sebagai akibat hakisan mental itu adalah sesuatu yang tidak tepat.

ATAU

2. Mengikut teori pemikiran lateral (lateral thinking) Edward de Bono, penulisan harus menggabungkan kata dan cipta untuk menghasilkan kesan yang harus muncul selepas ia digabungkan dengan citra. Oleh itu pemikiran ini dapat mencetuskan idea baru dan kadangkala menyimpang daripada logik. Berdasarkan kepada pernyataan ini,
 - (a) Jelaskan sejauh manakah pengaruh pemikiran lateral ini dapat dikenalpasti dalam penulisan kreatif khususnya cerpen di Malaysia atau Indonesia?
 - (b) Kemukakan hujah anda yang berasas tentang keistimewaan dan kekurangan cerpen-cerpen berkecenderungan baru ini kepada khalayak?

SAMA ADA

3. Falsafah perjuangan Arena Wati amat menekankan kepada wawasan tamadun dalam perkembangan kehidupan manusia Melayu sejagat. Justeru itu beliau melihat sastera sebagai "Jurubicara Hati Umat Melayu".

Bagaimanakah anda melihat falsafah tersebut sebagai manifestasi dirinya menerusi watak Sari Bulan di dalam Citra?

ATAU

4. Sila baca petikan ini,

Pada tahun 1973, ketika saya mengulangi membaca cerpen, saya serta mengingat pengalaman sufistik itu, terasa bahawa saat itu saya (Danarto) tidaklah ada, yang ada hanyalah Tuhan. Danarto hanyalah barang ciptaan yang diberi alat-alat untuk berjalan, berbicara, berfikir, mendengar atau merasakan. Dan itu semua sebenarnya tidak ada dan hanya Pencipta saja yang ada.

(Danarto, 1985: 46)

Merujuk kepada pernyataan di atas, yang dipetik dari tulisan Danarto bertajuk "Hanya Tuhan Yang Ada", beri nilai anda yang kritis sejauh manakah pengalaman sufistik yang dilalui oleh Danarto tercerna di dalam penulisan cerpen-cerpen mutakhirnya?

SAMA ADA

5. Novel Empangan karya Zakaria Ali berlatarkan dua lokasi iaitu kotaskap Boston dan landskap Kampung Paya, Rembau, menampilkan watak J seorang calon Ph.D dengan desertasinya "The Malay Concept of Maya : A Philosophical Enquiry".

Bagaimanakah anda membuat andaian bahawa terdapatnya keselarisan di antara tajuk desertasi tersebut dengan konflik yang dialami oleh watak J di kedua-dua lokasi berkenaan?

ATAU

6. John Sturrock menggelarkan Nouveau Roman sebagai "play of the mind" atau "an antithesis to the mainstream of reality fiction" atau lebih tepatnya sebagai natijah daripada post- modernity.

Pada pandangan anda, adakah wajar novel Daerah Zeni karangan Sasterawan Negara A.Samad Said dikaitkan dengan konsep di atas? Wajarkan pandangan anda dengan sokongan hujah yang kritis.

SAMA ADA

7. Novel Ustaz karangan S.Othman Kelantan memotretkan sebuah kisah cinta murni. Walaupun watak utamanya tersilau dengan kecantikan, keindahan, budi bicara dan kebendaan, namun tidak sampai pula mengetepikan hukum-hukum Islam agar senantiasa memelihara keimanan dan ketaqwaan.

Nilaikan pernyataan di atas secara berwibawa, kemudian perlihatkan sejauh manakah keselarasan wawasan pengarang dengan watak Siti Nuriza dan Ustaz Saifuddin yang diciptanya?

ATAU

8. Kaji cerpen-cerpen karya Shahnnon Ahmad seperti "Wan Empuk Kakak Wan Malini", "Gunung" dan "Hanya Sekadar Sebuah Ilham".

Berdasarkan kajian anda, perlihatkan sejauh manakah teks Sejarah Melayu memainkan peranan sebagai bahan interteks yang boleh dimanfaatkan semula dalam proses berkreatif?